


BULETIN OPTOMETRI

HKKB VOL 2/24

KATARAK



APA ITU KATARAK

Katarak berlaku apabila kanta mata tidak lagi jernih atau lutsinar.

Apabila katarak terjadi, penglihatan akan menjadi semakin kabur seiring dengan ketebalan katarak dan akhirnya menyebabkan kebutaan.

Katarak terjadi akibat daripada proses penuaan, kecederaan mata, penyakit-penyakit tertentu atau pengambilan sesetengah jenis ubat.

Katarak boleh diatasi dengan penggunaan cermin mata pada peringkat awal. Jika cermin mata tidak dapat membetulkan penglihatan, pembedahan perlu dilakukan kerana tiada ubat untuk merawat katarak.

Pembedahan dilakukan untuk mengeluarkan kanta yang legap itu dan digantikan dengan kanta tiruan.

Katarak adalah penyebab kebutaan yang boleh dirawat.



Pembedahan Katarak



Jenis Pembedahan Katarak

a) Phacoemulsification

- Luka kecil (lebih kurang 3mm).
- Isi kanta disedut keluar dengan bantuan tenaga Ultrasound.
- Implan kanta kekal dimasukkan ke dalam bag kanta dalam mata. Tiada jahitan.

b) Extra capsular cataract Extraction (ECCE)

- Bukaan luka yang lebih besar, lebih kurang 7mm.
- Isi kanta dikeluarkan, implan kanta dimasukkan ke dalam bag kanta. Bukaan dijahit.



PENJAGAAN SELEPAS PEMBEDAHAN



- Gunakan ubat / ubat titis mata seperti yang diarahkan
- Jaga kebersihan
- Elak kecederaan
- Elakkan menggosok atau menekan mata dengan kuat
- Pakai cermin mata hitam untuk perlindungan silau
- Mencuci muka :jangan biarkan air / sabun / syampu / minyak rambut atau sebagainya masuk terus ke dalam mata. Gunakan tuala / kain bersih yang lembut untuk membersihkan muka.
- Bercukur : Boleh
- Mandi : Pesakit boleh mandi seperti biasa,elak sebarang benda /air dari masuk ke dalam mata.
- Mencuci rambut : Pesakit boleh mencuci rambut tetapi, pastikan syampu / air tidak masuk terus ke dalam mata.
- Bersukan : boleh bersukan ringan untuk 2 bulan pertama selepas pembedahan.

- Hubungan seks :Boleh kembali aktif 1 hingga 2 minggu selepas pembedahan bergantung kepada nasihat doktor
- Pemakaian kosmetik muka / Bersolek :tidak boleh menggunakan sebarang kosmetik mata untuk 6 minggu pertama selepas pembedahan seperti maskara, celak dan bulu mata palsu.
- Pemakanan / Diet : Tiada pantang
- Memandu : selepas 4 minggu atau keadaan selesa
- Bekerja : Pesakit boleh kembali bekerja dalam masa 1 hingga 4 minggu selepas pembedahan, bergantung kepada jenis perkerjaan dan atas nasihat doktor.

Proses melakukan pembedahan

- 1.Pemeriksaan mata
2. Rujukan ke pusat pembedahan katarak/hospital pakar
- 3.Pemeriksaan kesihatan dan prapembedahan
- 4.Tarikh pembedahan diberi
- 5.Pembedahan dilakukakn selama 1-2 jam mengikut kes. (rawatan harian)
- 6.Temu janji susulan seminggu selepas pembedahan
- 7.Temu janji susulan mengikut arahan.

Pilihan Bius Pembedahan

1) Bius menyeluruh

- Jarang digunakan

2) Bius setempat

- Ubat bius titis mata Topikal
- Suntikan Ubat bius sekitar mata

